

SPM 2013 Results out on 20th March

Friday, 14 March 2014 02:36 - Last Updated Friday, 14 March 2014 06:19

SPM 2013 results will be announced on Thursday 20 March 2014. 470,395 students will be waiting for the results. You can collect from school or check via SMS by sending SMS to 15888 with the format SPM, space, your nombor giliran from 10am onwards on the day.

KENYATAAN AKHBAR

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2013**

Majlis Pengumuman Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013 akan diadakan pada hari Khamis, 20 Mac 2014 pada jam 9.00 pagi di **Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, Blok E8**, Kompleks Kerajaan Parcel E, Putrajaya.

Pada tahun ini, seramai **470,395** calon telah mendaftar untuk menduduki SPM di 3,616 pusat peperiksaan di seluruh Negara. Daripada jumlah 470,395 calon, 415,509 adalah calon Sekolah Kerajaan, Bantuan Kerajaan dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, 8,054 adalah calon sekolah di bawah Agensi Kerajaan selain KPM (contoh :MRSM), 8,325 adalah calon Sekolah Menengah Agama Negeri, 11,261 adalah calon Sekolah Swasta yang berdaftar dengan KPM, 25,857 adalah calon persendirian manakala baki 1,389 adalah dari Sekolah Menengah Agama Rakyat.

Calon-calon boleh mendapatkan keputusan mereka daripada sekolah masing-masing selepas jam 10.00 pagi pada hari yang sama. Calon persendirian akan dimaklumkan melalui pos atau mereka boleh menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri tempat mereka mendaftar dahulu.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan perkhidmatan semakan keputusan SPM melalui mySMS 15888 dengan menaip SPM jarakkan taip angka giliran dan hantar ke 15888. Perkhidmatan ini akan diaktifkan bermula jam 10.00 pagi, 20 Mac 2014 dan akan ditamatkan pada 11.59 malam, 26 Mac 2014.

